
BUKU RAMALAN
SPM TERBAIK!
PASTI
SKOR
.COM.MY
BAHASA MELAYU
THE BEST
SPM EXAM TIPS

# Hi! Selamat Datang Ke PastiSkor

1. Buku ini disediakan melalui analisis soalan-soalan SPM sebenar, soalan-soalan percubaan SPM 2023 dan input guru yang berwibawa.

   Hanya soalan-soalan yang penting, mungkin berulang dan mempunyai peluang yang tinggi untuk keluar dalam SPM disediakan dalam buku ini.

2. Buku ini mengandungi **Ramalan SPM 2023**, **Satu (1) set kertas 1(mengandungi 10 soalan untuk Bahagian A dan 12 soalan untuk Bahagian B)** dan **Tiga(3) set kertas 2** dengan **jawapan lengkap**.

3. Cara menggunakan buku ini :

## Langkah 1

Beri tumpuan pada topik-topik ramalan yang disertakan dalam buku ini.

## Langkah 2

Sila jawab semua soalan dan semak jawapan anda dengan skema pemarkahan yang disertakan.

**Semoga Berjaya**
**Daripada Semua Tenaga Pengajar Di Pastiskor!!**

PASTISKOR

PASTISKOR

# RAMALAN BAHASA MALAYSIA SPM 2023 KERTAS 1

### TEMA-TEMA PENTING UNTUK KARANGAN BAHAGIAN A & BAHAGIAN B

**PENTING: SILA MEMBUAT PERSEDIAAN LENGKAP UNTUK SEMUA TEMA-TEMA DI BAWAH**

**Tema Kesihatan**
Contoh Soalan: Kebaikan Dan Kepentingan Menjaga Kesihatan Dan Kebersihan Diri

Isi-isi penting
- meningkatkan produktiviti diri
- menghindari penyakit dan masalah kesihatan
- mendisiplinkan diri dan menjadi perwatakan yang menarik

**Tema Kerajaan dan Ekonomi**
Contoh Soalan : Cara Mengatasi Masalah Penyakit Berjangkit

Isi-Isi Penting
- Memastikan penjagaan kesihatan
- Meningkatkan imunisasi diri
- Mengetatkan syarat kemasukan pendatang asing dari negara-negara tertentu
- Tindakan tegas (cth : tidak memakai topeng muka di luar rumah)

**Tema Sekolah**
1. Contoh Soalan: Manfaat & Faedah Bekerja Sambilan Kepada Pelajar

Isi-isi penting
- Membuka peluang untuk melihat potensi diri
- Meningkatkan kemahiran diri
- Membantu dari segi kewangan
- Membentuk disiplin diri yang baik
- Mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah
- Menambah kenalan untuk rangkaian pekerjaan



2. Contoh Soalan: Kelebihan Pembelajaran Secara Maya

Isi-isi penting
- Memudahkan pelajar untuk mengulang kaji pelajaran
- Pembelajaran yang selesa dan kondusif
- Meningkatkan kemahiran teknologi
- Pembelajaran yang lebih mudah dan interaktif
- Memanfaatkan penggunaan bahan pengajaran atas talian

**Tema Pelancongan**
Contoh Soalan: Cara Menggalakkan/Meningkatkan Industri Pelancongan

Isi-Isi Penting
- Rakyat Malaysia melancong di dalam negara
- Tawaran harga dan perkhidmatan terbaik
- Pihak media mengambil inisiatif untuk membantu
- Kerajaan melakukan promosi produk pelancongan

**Tema Negara**
Contoh Soalan: Kebaikan Sektor Pertanian Kepada Negara

Isi-isi penting
- Mewujudkan peluang pekerjaan
- Meningkatkan pendapatan eksport negara
- Mewujudkan bekalan makanan yang mencukupi
- Melahirkan imej yang baik untuk negara
- Memanfaatkan sumber yang dimiliki oleh negara

**Tema Global**
Contoh Soalan: Langkah-Langkah Mengatasi Jenayah Siber di kalangan remaja dan masyarakat

Isi- Isi Penting
- mewujudkan undang-undang siber yang lebih kukuh
- memperkenalkan pendidikan etika dalam penggunaan siber
- bekerjasama secara global dalam membanteras jenayah siber
- menggunakan perisian antivirus terkini
- kesedaran melalui kempen dan iklan



PASTISKOR 2023

## TEMA PENGGUNA

1. Contoh Soalan: Peranan Ibu Bapa Dalam Menggalakkan Pembelian Barang Buatan Malaysia

   Isi-isi penting

- sentiasa mengutamakan produk buatan Malaysia dalam membeli belah
- berkunjung ke pameran barangan buatan malaysia kepentingan membeli produk buatan tempatan
- menunjukkan kos yang lebih berpatutan berbanding barangan import
- lambang cinta akan negara apabila membeli barang buatan Malaysia

2. Contoh Soalan: Ketagihan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Dan Kesan Buruk

   Isi Isi Penting

   Pusat sosial yang interaktif; e.g Tik Tok, Insta, Fb

- Mendapat hiburan secara percuma
- Tekanan realiti hidup
- Pengaruh rakan sebaya
- Tidak mendapat perhatian keluarga

## TEMA ALAM SEKITAR

Contoh Soalan: Kebaikan Dan Kepentingan Kitar Semula Kepada Manusia Dan Alam Sekitar

Isi-isi penting

- Menjimatkan perbelanjaan (Penjualan bahan boleh kitar semula)
- Membuka industri Baharu---upcycle
- Menjamin kelangsungan generasi manusia
- Mengurangkan pencemaran alam
- Memelihara sumber alam semula jadi

## TEMA ERA KEMODENAN

1. Contoh Soalan: Bagaimana Jenayah Siber berlaku?

   Isi-Isi Penting

- Penipuan laman sesawang bank
- Mencuri data peribadi mangsa
- Menyalin data tanpa kebenaran
- Aktiviti pornografi



2. Contoh Soalan : Kesan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar

Isi-Isi Penting

Kesan Baik

- Menghubungi rakan atau keluarga
- Membantu semasa kecemasan
- Perkongsian matlumat tentang pelajaran

Kesan pembaziran

- Menjejaskan pelajaran pelajar
- Menjejaskan kesihatan pelajar

## TEMA KERJAYA

Contoh Soalan:

1.Sebab -Sebab seseorang memilih sesuatu kerjaya

2.Langkah-Langkah untuk mencapai kerjaya

Isi-Isi Penting

- Pengaruh dan sokongan ahli keluarga
- Minat dan cita-cita
- Personaliti diri
- Kepuasan kerja

## TEMA INDIVIDU

1. Contoh Soalan: Ciri-Ciri Usahawan yang produktif

   Isi-Isi Penting

- Komitmen dan keazaman
- Sentiasa melihat dan merebut peluang yang ada.
- Berinisiatif dan bertanggungjawab.
- Toleransi terhadap risiko kekaburan dan ketidakpastian.
- Berfikiran kreatif dan berinovasi.
- Tahap tenaga yang tinggi.
- Berkeyakinan tinggi dan bersifat optimistik.

2. Contoh Soalan: Sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang pemimpin negara

   Isi-Isi Penting

- Mempunyai jati diri yang kuat dan berintegriti tinggi.
- Berketrampilan menarik dan kemas.
- Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang tinggi.
- Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.
- Bijaksana dalam melakukan tugas.
- Jujur dalam memikul amanah.



PASTISKOR 2023

# ANALISIS SOALAN PERCUBAAN BAHASA MELAYU SPM 2023 - KERTAS 1

| BIL. | NEGERI | BAHAGIAN A | BAHAGIAN B SOALAN 1 | BAHAGIAN B SOALAN 2 | BAHAGIAN B SOALAN 3 | BAHAGIAN B SOALAN 4 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **LIMBANG, SARAWAK** | RESUME - Memohon pekerjaan sebagai pembantu tadbir / pembantu am | Usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk meringankan bebanan kewangan keluarga | Bentuk-bentuk sumbangan yang mampu anda berikan bagi meringankan beban mangsa bencana alam | Kebaikan-kebaikan yang diperoleh apabila mempelajari komponen sastera (KOMSAS) di sekolah | Usaha-usaha yang perlukan dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menggalakkan golongan belia menceburi bidang kraf tangan |
| 2 | **MPSM, JOHOR** | SURAT KIRIMAN RASMI - Kemalangan Jalan raya | Manfaat aktiviti melancong kepada individu | Usaha-usaha memajukan sektor pertanian di Malaysia | Faktor-faktor yang menyebabkan haiwan liar semakin pupus | Kebaikan penganjuran sukan bertaraf antarabangsa kepada negara kita |
| 3 | **PASIR GUDANG, JOHOR** | Kelestarian alam sekitar di sekolah | Faedah sektor pelancongan kepada rakyat & negara | Langkah-langkah pelbagai pihak untuk menarik minat golongan remaja menceburi bidang pertanian | RENCANA-Peranan masyarakat mengelakkan penipuan jenayah siber | Ciri-ciri pemimpin yang dapat diteladani |
| 4 | **MELAKA** | Penggunaan e-dompet | Cara-cara yang perlu dilaksanakan bagi memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda | SYARAHAN - Usaha-usaha meggalakkan amalan kitar semula | Punca-punca generasi muda kurang meminati sektor pertanian | Kelebihan barangan buatan Malaysia |
| 5 | **NEGERI SEMBILAN** | SURAT TIDAK RASMI - Fenomena cuaca panas | Punca-punca berlakunya masalah pencemaran alam sekitar | Langkah-langkah mentransformasikan bidang pendidikan | Kebaikan kerjaya dalam bidang sukan elektronik | Tindakan-tindakan anda bagi mengelak daripada terpedaya dengan sindiket penipuan |
| 6 | **WPKL** | Usaha-usaha menjaga amalan kebersihan | Faktor-faktor masalah semangat kejiranan | Cara mengamalkan gaya hidup sihat | Cara pengurusan stres | Cara meningkatkan ekonomi |
| 7 | **BANGSAR, KL** | Industri Kecil & Sederhana | Langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani sikap manusia demi menjamin kelestarian alam sekitar | Manfaat-manfaat melancong bersama dengan keluarga | Kepentingan teknologi dalam pendididkan terhadap proses pembelajaran murid di sekolah | Usaha pihak kerajaan untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian |
| 8 | **KUANTAN, PAHANG** | Kegiatan sukan & rekreasi | Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pekerja e-hailing | Ciri-ciri untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya | Peranan pelbagai pihak untuk meningkatkan minat generasi muda menceburi bidang pertanian | Langkah-langkah untuk membina keluarga bahagia |
| 9 | **MPP3, TERENGGANU** | Semangat patriotik | Punca-punca masalah kesihatan mental | Usaha-usaha membendung masalah alam sekitar | Kesan-kesan kes buli | Tindakan pelbagai pihak untuk menarik golongan muda bekerja dalam bidang pertanian |
| 10 | **MPSM, KELANTAN** | Pencemaran alam sekitar | Manfaat manfaat aktiviti melancong | Perana pelbagai pihak menangani masalah sosial | Faktor-faktor pengangguran belia | Kepentingan-kepentingan pengangkutan awam |
| 11 | **YIK** | Kemalangan jalan raya | Cara-cara menangani masalah displin dalam kalangan murid | Tindakan-tidakan untuk menangani masalah pencemaran sungai | Tindakan-tindakan menyemai semangat patriotik dalam diri remaja | Manfaat-manfaat sektor pertanian |
| 12 | **PULAU PINANG** | Penyakit demam denggi | Manfaat-manfat bazaar ramadan kepada diri | Punca-punca berlakunya kes kemalangan jalan raya di negara ini | kesan-kesan pencemaran jerebu | Peranan pelbagai pihak untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarkat |
| 13 | **KEDAH** | Pemeliharaan bangunan bersejarah di Malaysia | faktor-faktor kuih malaysia kurang mendapat sambutan daripada generasi kini | Peranan pelbagai pihak untuk menjadikan sektor pertanian diminati oleh golongan muda | Cabaran membudayakan amalan membaca dalam kalangan generasi muda | SYARAHAN - Alam sekitar tanggungjawab negara-negara di dunia |
| 14 | **PERAK SET 1** | Pengurusan stres | Usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengeratkan hubungan kejiranan dalam kalangan masyarakat di negara kita | Persediaan-persediaan yang harus dilakukan oleh para pelajar sebelum melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi | SYARAHAN - Kepentingan menguasai bahsa asing | Faktor-faktor pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan |

PASTISKOR 2023

# ANALISIS SOALAN PERCUBAAN NEGERI BAHASA MELAYU SPM 2023 - KERTAS 2

| | | BAHAGIAN A | | | | | BAHAGIAN B | | | BAHAGIAN C |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL.** | **NEGERI** | **S1** | **S2** | **S3** | **S4** | **S5** | **S6** | **S7** | **S8** | **S9** |
| 1 | **LIMBANG, SARAWAK** | Kata hubung gabungan & kata adjektif cara | Jenis ayat | Pelbagai kesalahan bahasa.<br>B1-6, B2-5 | Kepimpinan melalui teladan | Senaraikan tiga peribahasa & berikan maksud peribahasa | Tema: Tenaga boleh diperbaharui | Tema: Kerjaya (Pertanian & Penternakan) | 1. Silir Daksina<br>2. Sebuah novel-dua nilai tanggungjawab yang dapat diperoleh melalui novel tersebut | Tema: Aktiviti rekreasi |
| 2 | **MPSM, JOHOR** | Kata adjektif | Gabungkan ayat tunggal menjadi ayat majmuk | Pelbagai kesalahan bahasa.<br>B1-6, B2-5 | Burung terbang dipipiskan lada | Senaraikan peribahasa & berikan maksud | Tema: Pengurusan kewangan | Tema: Bahasa | 1. Silir Daksina<br>2. Sebuah novel-Peristiwa yang menimbulkan simpati | Tema: Industri pelancongan negara |
| 3 | **PASIR GUDANG, JOHOR** | Kata adjektif perasaan | Jenis ayat | Pelbagai kesalahan bahasa.<br>B1-5, B2-6 | Burung terbang dipipiskan lada | Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai | Tema: Tradisi budaya | Tema: Petriotisme | 1. Silir Daksina<br>2. Dua buah novel-peristiwa yang menunjukkan sikap bertanggungjawab dalamkehidupan | Tema: Kemalangan jalan raya |
| 4 | **MELAKA** | Kata hubung | Subjek & predikat | Pelbagai kesalahan bahasa.<br>B1-6, B2-5 | Burung terbang dipipiskan lada | Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai | Tema: Kerjaya (Jururawat & Doktor) | Tema: Petriotisme | 1. Silir Daksina<br>2. Dua buah novel-peristiwa yang menggambarkan ketabahan | Tema: Buli siber |
| 5 | **NEGERI SEMBILAN** | Kata adjektif | Pola ayat | Pelbagai kesalahan bahasa.<br>B1-6, B2-5 | Burung terbang dipipiskan lada | Kemukakan peribahasa yang sesuai dengan situasi | Tema: Pendidikan | Tema: Adat budaya | 1. Leftenan Adnan Wira Bangsa<br>2. Sebuah novel-peristiwa pada bahagian permulaan yang menarik minat pembaca | Tema: Pelancongan |
| 6 | **WPKL** | Kata ganda & kata akronim | Cerakinkan ayat majmuk | Pelbagai kesalahan bahasa.<br>B1-6, B2-5 | Burung terbang dipipiskan lada | Nyatakan peribahasa yang sesuai bagi petikan | Tema: Penipuan digital | Tema: Patriotisme | 1. Silir Daksina<br>2. Dua buah novel-situasi yang menimbulkan permasalahan dalam kalangan masyarakat | Tema: Sukan Lasak |

PASTISKOR 2023

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | **BANGSAR, KL** | Kata adjektif perasaan | Bina ayat tanya dengan kata tanya yang betul | Pelbagai kesalahan bahasa. B1-6, B2-5 | Kepimpinan melalui teladan | Senaraikan peribahasa dalam petikan & bina ayat | Tema: Herba | Tema: Patriotisme(Cinta Ahmad Muttawakil) | 1. Tirani<br>2. Dua buah novel- peristiwa yang menggambarkan ketabahan | Tema: Penggunaan media sosial |
| 8 | **KUANTAN, PAHANG** | Kata hubung | Ayat pasif - Ayat aktif | Pelbagai kesalahan bahasa. B1-5, B2-6 | Burung terbang dipipiskan lada | Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai | Tema: Filem animasi | Tema: Semangat kejiranan | 1. Bimasakti Menari<br>2. Dua buah novel- peristiwa yang menggambarkan sifat positif sesama manusia | Tema: Kesihatan |
| 9 | **MPP3, TERENGGANU** | Kata akronim | Jenis ayat | Pelbagai kesalahan bahasa (11) | Kepimpinan melalui teladan | Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai | Tema: Sukan elektronik (e-sukan) | Tema: Keprihatinan terhadap haiwan | 1. Bimasakti Menari<br>2. Dua buah novel- peristiwa yang menimbulkan kemarahan pembaca | Tema: Ekopelancongan |
| 10 | **MPSM, KELANTAN** | Kata akronim | Ayat pasif - Ayat aktif | Pelbagai kesalahan bahasa. B1-6, B2-5 | Burung terbang dipipiskan lada | Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai | Tema: Pendidikan | Tema: Bahasa (Munsyi) | 1. Pantai kasih<br>2. Dua buah novel- peristiwa yang dapat dijadikan motivasi kepada pembaca | Tema: Kemalangan jalan raya |
| 11 | **YIK** | Kata penguat, Kata bantu, Kata Bilangan | Pisahkan ayat menjadi ayat tunggal | Pelbagai kesalahan bahasa (11) | Burung terbang dipipiskan lada | Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai | Tema: Aktiviti kesukarelaan | Tema: Nasihat ibu bapa (Bukan gila) | 1. Bimasakti Menari<br>2. Sebuah novel- Peristiwa yang menujukkan novel ini sesuai dibacakan | Tema: Budi bahasa |
| 12 | **PULAU PINANG** | Kata adjektif perasaan | Cerakinkan ayat majmuk | Pelbagai kesalahan bahasa. B1-6, B2-5 | Burung terbang dipipiskan lada | Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai | Tema: Kerjaya (Pemilihan pekerjaan) | Tema: Kepentingan ilmu (Pesan lelaki kecil kepada gadis kampus | 1. Silir Daksina<br>2. Dua buah novel- situasi yang menunjukkan sifat keprihatinan | Tema: Pertanian bandar |
| 13 | **KEDAH** | Kata majmuk | Gabungkan ayat tunggal menjadi ayat majmuk | Pelbagai kesalahan bahasa. B1-6, B2-5 | Burung terbang dipipiskan lada | Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai | Tema: Integriti | Tema: Pengurusan kewangan | 1. Leftenan Adnan Wira Bangsa<br>2. Sebuah novel- peristiwa yang menunjukkan kerjasama dalam masyarakt | Tema: Pendakap gigi |

PASTISKOR 2023

**SET 1**
**KERTAS 1**
**BAHAGIAN A**
**[30 Markah]**

1. Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan jawatan kosong. Berdasarkan maklumat tersebut, tulis **resume** untuk memohon jawatan tersebut selengkapnya.
   Panjangnya resume anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

**SYARIKAT PENERBITAN REKA KREATIF SDN. BHD.**

**Jawatan Kosong bagi:**
- Pembantu Penerbitan
- Pembantu Editor
- Jurujual
- Kerani

**Faedah:**
- Berjawatan tetap
- Cuti tahunan, cuti sakit & cuti umum
- Caruman KWSP & PERKESO
- Kemudahan perubatan
- Aktiviti sukan & rekreasi disediakan

**Syarat kelayakan:**
- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun hingga 35 tahun
- Kepujian dalam Bahasa Melayu & Matematik dalam SPM
- Berkemahiran mengendalikan computer
- Berketerampilan, produktif & proaktif

PASTISKOR SPM





**JAWATAN KOSONG PELBAGAI BIDANG**
**Lokasi di Seluruh Negara**

- Pembantu jualan
- Kerani pentadbiran
- Pengurus kewangan
- Pengurus operasi
- Operator pengeluaran
- Pegawai khidmat pelanggan
- Pegawai keselamatan

- Kelayakan dari SPM- Ijazah
- Gaji antara RM1800 – RM2500
- Pelbagai elaun
- Caruman KWSP & PERKESO

Sila hantarkan resume anda kepada: **cari@kerja.com.my**

PASTISKOR SPM

2. Maklumat di bawah berkaitan dengan **cara menghargai perwira negara kita**.
   Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang cara menghargai perwira negara.
   Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Saksikan Rancangan-rancangan menarik Sempena Hari Kebangsaan di **TV5**
7.30 pagi: Siaran Langsung Perbarisan Hari Kebangsaan
10.00 pagi: Sarjan Hassan
2.00 petang: Leftenan Adnan
4.00 petang: Bukit Kepong
10.00 malam: Dokumentari Hari Malaysia




**SELAMAT HARI PAHLAWAN**



**Terima Kasih atas Segala Jasa Kalian**







3. Maklumat di bawah menunjukkan penyakit berjangkit.
   Huraikan **cara-cara mencegah penyakit berjangkit.**
   Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**



4. Maklumat di bawah berkaitan dengan bidang perindustrian di negara kita.
   Huraikan pendapat anda tentang bidang perindustrian di negara kita.
   Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

**Faktor Perkembangan Pesat Perindustrian**

- **Kemerosotan Komoditi** hasil pertanian dan pembalakan
- **Dasar/ Polisi Kerajaan** promosi dan taraf perintis
- **Buruh** tenaga buruh tempatan murah
- **Teknologi** Pemindahan teknologi, pembangunan dan penyelidikan
- **Modal** dana tempatan pinjaman Kerajaan/ swasta
- **Pasaran** saiz pasaran dan kuasa beli pengguna

*Sumber: Diubah suai daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, halaman 205*





**Lirik Lagu Keranamu Malaysia**

Buruh, nelayan dan juga petani,
Gaya hidup kini dah berubah,
Anak-anak terasuh mindanya,
Lahir generasi bijak pandai.

Pakar IT, pakar ekonomi,
Jaguh sukan dan juga jutawan,
Berkereta jenama negara,
Megah menyusur di jalan raya,

Alam siber teknologi terkini,
Kejayaan semakin hampiri,
Biar di kota ataupun desa,
Kita semua pasti rasa bangga.

**Manfaatkan semua peluang, sentiasa kreatif**

Peluang pada era Industri 4.0 umpama emas yang berteraburan di jalanan, hanya menunggu sesiapa yang datang mengutipnya. Misalnya, Industri 4.0 menekankan aspek pembuatan pintar maka sumber manusia yang bakal mengisinya mestilah bijak merebut peluang, kreatif dan berinovatif dalam mengemukakan cadangan dan berani mengambil risiko.

*Sumber: Diubah suai daripada "Industri 4.0 Ubah Cara Kerja, Hidup", oleh Prof. Madya. Dr. Afandi Ahmad, www.bharian.com.my, 11 Jun 2017*

5. Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan panduan membuat kertas cadangan.
   Berdasarkan maklumat tersebut, tulis **kertas cadangan untuk projek perusahaan kuih tradisional.**
   Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**






*Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 4, halaman 53.*



**PASTISKOR SPM**
**“Bijak berusaha, pasti berjaya”**

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan kepupusan hidupan liar.
   Huraikan pendapat anda tentang **kepupusan hidupan liar**.
   Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

**Pembakaran hutan**
Pembakaran hutan secara terbuka menyumbang kepada peningkatan suhu. Haiwan liar semakin terancam disebabkan perubahan cuaca dunia.

**Pembalakan haram**
Aktiviti menebang spesies pokok yang dilindungi seperti meranti dan cengal turut memusnahkan tumbuhan kecil yang berada di sekeliling dan menyebabkan haiwan lari atau mati.

**Pencemaran alam**
Tumpahan minyak dan longgokan sampah di lautan menjadikan hidupan akuatik semakin pupus.

*Sumber: Diubah suai daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, hal. 132.*



Perdagangan dan perburuan hidupan liar bukan sahaja merosakkan ekosistem, bahkan berpotensi menularkan penyakit termasuk yang baru ditemui, tetapi mampu mengancam manusia. Walaupun hidupan liar sangat penting untuk mengekalkan ekosistem, namun dunia menghadapi kepupusan hidupan liar yang sangat serius akibat kegiatan pemburuan haram.

*Sumber: Diubah suai daripada*
*"Ekosistem, Manusia Rosak Jika Hidupan Liar Musnah",*
*oleh Jamari Mokhtar & Chia Chu Lang,*
*www.bharian.com.my, 5 Mac 2020*

**LINDUNGI HIDUPAN LIAR**



**Ekosistem Kita Terjejas Kerana**
**Kepupusan Hidupan Liar**

PASTISKOR SPM





7. Maklumat di bawah ini menunjukkan cara-cara memupuk semangat kejiranan. Huraikan **cara-cara memupuk semangat kejiranan dalam kalangan penduduk di negara ini.**
Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Usaha Memupuk Semangat Kejiranan
- Mewujudkan pusat komuniti dan rukun tetangga
- Menggalakkan aktiviti bergotong-royong atau bersukan
- Amalan kunjung-mengunjung
- Peranan media massa
- Bersedia menawarkan bantuan yang mampu
- Menghormati hak masing-masing





**Pantun Berjiran**

Si dara bersimpuh menyulam tekat,
Buat teruna jadi bekalan;
Jiran baik membawa berkat,
Hidup bermuafakat jadikan amalan.

Petang hari duduk di bendang,
Melihat murai terbang berkawan;
Tiada sempurna iman seseorang,
Jika jiran dijadikan lawan

Jangan mudah berputus asa,
Hingga termenung berduka lara;
Jiran berbudi kita berbahasa,
Barulah hidup aman sejahtera.

Biar di desa mahupun di kota,
Amalkan kerja berganding bahu;
Jangan kerana kemewahan kita,
Jiran berlapar buat tak tahu.

PASTISKOR SPM